

Ruj. Kami : ST(IP/JKSK/UKLE)100-13/03/4 (6)
Tarikh : 01 Mac 2021

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



**SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN: TARIKH PENGUATKUASAAN MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS (MEPS) BAGI KELENGKAPAN PETI SEJUK BEKU (FREEZER)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh penguatkuasaan keperluan memenuhi *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* bagi kelengkapan *Freezer* akan berkuatkuasa setahun daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Mulai dari tarikh penguatkuasaan tersebut, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan kelengkapan *Freezer* hendaklah mengemukakan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan di dalam panduan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) seperti butiran berikut:-

| KELENGKAPAN | DOKUMEN | TARIKH DIKELUARKAN | TARIKH BERKUATKUASA |
|---------------------------|---|--------------------|---------------------|
| Peti Sejuk Beku (Freezer) | Guide on Minimum Energy Perfomance Standard Requirements for Freezer* | 1 Mac 2021 | 1 Mac 2022 |

* Salinan guide boleh dimuat turun di pautan <https://www.st.gov.my/web/download/listing/150>.

4. Adalah diingatkan bahawa tarikh penguatkuasaan penuh bagi perlaksanaan keperluan mematuhi MEPS bagi kelengkapan tersebut adalah pada **01 Mac 2022**. Oleh yang demikian, tuan adalah dinasihatkan untuk memastikan bahawa kelengkapan itu menepati standard ujian prestasi tenaga, standard prestasi tenaga minimum (MEPS) dan penarafan kecekapan sebagaimana dinyatakan di dalam *"Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirements for Freezer"*.

5. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab tuan bagi memastikan kesemua kelengkapan yang berada di pasaran telah dilekatkan dengan label cekap tenaga selepas tarikh penguatkuasaan bermula.

6. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer dan mengiklan kelengkapan *Freezer*.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD. ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga

- S.k.:**
1. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
 2. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
 3. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
 4. Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor.
 5. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur.